

24 FEB 2003

NAM-SEKRETRIAT/I

SARANAN SEKRETARIAT SEMENTARA UNTUK SOKONG MAJLIS PERNIAGAAN NAM

Oleh: Leslean Arshad

PETALING JAYA, 24 Feb (Bernama) -- Penasihat korporat kumpulan Sunway Tan Sri Ramon Navaratnam mencadangkan supaya Malaysia menubuhkan sekretariat perniagaan sementara Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi melaksanakan polisi-polisi dan keputusan yang dicadangkan oleh Majlis Perniagaan NAM.

Beliau berkata hos sekretariat yang dicadangkan itu boleh dibuat mengikut giliran, memandangkan terdapat bantahan daripada beberapa pihak untuk diadakan sekretariat tetap.

Bercakap kepada Bernama semasa acara sampingan Forum Perniagaan NAM di sini hari ini, Navaratnam berkata Malaysia perlu menubuhkan sekretariat perniagaan sementara secepat mungkin untuk majlis perniagaan berkenaan.

Beliau berkata sekretariat perniagaan sementara Malaysia perlu dalam kedudukan yang terbaik buntut menjadi prototaip untuk dicontohi negara lain apabila tiba giliran mereka untuk menjadi hos.

"Tidak guna mempunyai banyak polisi, prinsip dan perjanjian kerjasama jika anda tidak mempunyai sekretariat untuk susulan dan melaksanakannya. Ia seperti sebuah kerajaan membuat keputusan dan tiada kakitangan awam (untuk melaksanakannya)," kata Navaratnam.

Beliau berkata operasi hari ke hari Majlis Perniagaan NAM boleh dikendalikan oleh sekretariat berkenaan.

Negara-negara lain juga boleh menghantar wakil mereka untuk bekerja dengan sekretariat Malaysia.

"Dengan cara berkenaan, anda akan mempunyai sekretariat yang kukuh," kata Navaratnam.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan pembentukan majlis perniagaan bagi NAM bagi membolehkan ahli perniagaan pergerakan itu bekerja bersama. -- BERNAMA

LES SHY NHD